

Tender RM214 juta: Dr. M pertahan anaknya

23/9/2006

Oleh MARZUKI YUSOF

KEMAMAN 22 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan yang mengatakan Opcom Sdn. Bhd. (Opcom), syarikat milik anaknya, Datuk Mukhriz mendapat kontrak pembekalan gentian optik daripada Telekom Malaysia (TM) tanpa melalui tender terbuka.

Bagaimanapun, beliau mengakui tender bernilai RM214.2 juta itu dibuat ketika beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Jelasnya, permohonan tawaran itu dibuat menerusi saluran biasa iaitu tender dengan memenuhi semua syarat.

Dr. Mahathir berkata, setelah tidak lagi menjadi Perdana Menteri, arahan telah dikeluarkan untuk tidak melanjutkan kontrak malah kontrak untuk syarikat tersebut dihapuskan sama sekali.

"Ya, anak saya itu telah lama terlibat dalam perniagaan (kontrak membekalkan gentian optik) dan dia dapat tawaran secara biasa dengan tender-tender dan sebagainya. Dan, kalau dia dapat atau tidak kon-

trak itu, itu urusan dialah dan bukan masalah saya.

"Tapi hakikat yang saya tahu setelah saya tidak lagi memegang jawatan Perdana Menteri, maka arahan diberikan untuk tidak melanjutkan kontrak itu dan kontrak bagi syarikat tersebut dihapuskan sama sekali.

"Sehinggalah dia (Mukhriz) terpaksa merayu supaya bagilah dia sedikit (dilanjutkan kontrak). Dan, kemudian ada usaha nak bagi balik 30 peratus dan kemudian dikurangkan kepada 15 peratus dan ini berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Tabung Binaan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Cawangan Kemaman dan Kempen Hari Pahlawan di Hotel Awana Kijal Beach, Golf & SPA Resort di sini.

Bekas Perdana Menteri itu mengulas dakwaan bahawa syarikat tersebut memperoleh kontrak membekalkan gentian optik kepada TM tanpa melalui tender terbuka.

Mukhriz ialah Pengarah Urusan Opcom Sdn. Bhd.

Dakwaan itu dibuat berdasarkan surat

perjanjian bertarikh 7 Oktober 2003 menggunakan kepala surat Kementerian Kewangan bertajuk: Perolehan Terus Pengilangan, Pembekalan dan Penghantaran Cable Fiber Optic Dari Opcom Sdn. Bhd. Di Bawah Program Vendor Telekom Malaysia.

Menurut surat itu, kontrak tersebut diberi secara rundingan terus kepada Opcom Sdn. Bhd. untuk tempoh tiga tahun.

Dr. Mahathir turut mendakwa bahawa kini ada usaha untuk memburukkan beliau semasa memegang jawatan Perdana Menteri dulu.

Sementara itu ketika diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang mendakwa orang Cina di Indonesia dan Malaysia dipinggirkan secara sistematik, Dr. Mahathir berkata, pemimpin republik itu semakin angkuh.

Beliau mencabar Kuan Yew menyediakan fakta bagi menyokong dakwaannya itu serta membuktikan bahawa orang Melayu di republik itu benar-benar mendapat pembelaan sewajarnya.

Beliau turut menggesa sebuah jawatankuasa khas dibentuk untuk melihat bagaim-

ana kerajaan Singapura memberi layanan dan usaha membela orang Melayu di republik tersebut.

Dr. Mahathir memberi contoh bagaimana keupayaan dan kesetiaan orang Melayu dipertikaikan di negara mereka sendiri apabila dinafikan hak memegang jawatan tinggi dalam pasukan tentera.

"Jika di Malaysia, orang Cina diberi peluang menduduki jawatan penting dalam pasukan keselamatan termasuk tentera seperti memegang pangkat jeneral, tetapi di Singapura, hak itu tidak diberikan kepada orang Melayu.

"Selain itu, jika ada usaha untuk meringkikan orang Cina secara sistematik di Malaysia, kenapa pula banyak orang Cina berjaya di negara kita, termasuk memiliki rumah-rumah besar, mengalahkan rumah bekas Perdana Menteri.

"Apa yang saya nampak, Kuan Yew sudah semakin sombong dan angkuh kerana merasakan negaranya kuat. Sebab itu beliau berani menyentuh isu-isu sensitif dan tidak lagi menghormati negara jirannya," tegas beliau.